

AMALAN PENGURUSAN ZAKAT DI INSTITUSI MASJID DI MALAYSIA: SATU TINJAUAN AWAL

Azman Ab. Rahman¹, Hairunnizam Wahid² dan Hairullfazli Mohammad Som³

¹Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia

²Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia

³Fakulti Syariah & Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Abstrak

Masjid adalah institusi Islam yang amat penting bermula pada zaman Rasulullah s.a.w sehingga ke hari ini. Institusi masjid memainkan peranan penting dalam konteks pembangunan dan pengurusan hal ehwal agama Islam sejak zaman Rasulullah SAW sehingga kini. Sejarah Islam mencatatkan bahawa masjid telah menjadi pusat operasi hal ehwal berkaitan baitulmal khususnya yang melibatkan pengurusan zakat. Baginda Rasulullah SAW mentadbir segala urusan negara seperti menyusun dan merancang pelbagai peraturan serta menyelesaikan segala masalah umat semuanya di masjid. Tadbir urus kutipan dan agihan zakat kepada para asnaf ketika zaman Rasulullah SAW secara asasnya adalah dilaksanakan di masjid. Hal demikian kerana pada ketika itu setiap harta yang diperoleh, terutamanya zakat akan dikumpulkan di masjid dan sekaligus dapat menjadikan masjid sebagai institusi baitulmal pertama dalam sejarah. Justeru, artikel ini akan memfokuskan tentang amalan pengurusan zakat di institusi masjid di Malaysia. Artikel ini akan menumpukan di 3 negeri terpilih iaitu negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Kelantan. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat pengurusan zakat di institusi masjid sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam konteks kutipan dan agihan zakat. Penulis mencadangkan agar satu model pengurusan zakat di institusi masjid boleh dibangunkan demi pemerkasaan dari segi kutipan dan agihan zakat.

1.0 PENGENALAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada 13 buah negeri dan Kerajaan Persekutuan. Negeri-negeri tersebut adalah Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Melaka, Johor, Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak. Kerajaan Persekutuan pula terdiri daripada 3 buah Wilayah Persekutuan iaitu Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Terdapat institusi formal di Malaysia yang bertanggungjawab untuk menguruskan hal-ehwal yang berkaitan dengan zakat. Institusi ini diletakkan di bawah pengawasan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Kepelbagaiannya dari sudut pengurusan dan pentadbiran menyebabkan wujudnya perbezaan dalam aktiviti kutipan dan agihan zakat bagi negeri-negeri di Malaysia. Bab ini memfokuskan tiga buah negeri iaitu negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Kelantan disebabkan oleh faktor pembukaan beberapa kaunter mini zakat oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) secara berjadual atau berkala di masjid-masjid sekitar Selangor dan kaunter zakat oleh Pusat Pungutan Zakat (PPZ), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) di beberapa buah masjid di sekitar Kuala Lumpur serta pembukaan pusat mini pungutan zakat oleh Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK).

2.0 AMALAN PENGURUSAN ZAKAT DI INSTITUSI MASJID DI SELANGOR

Negeri Selangor merupakan negeri yang terawal memperkenalkan urus tadbir institusi zakat secara korporat dengan kaedah menubuhkan organisasi yang berasingan daripada pihak kerajaan negeri dan MAIN. Pelbagai perkembangan telah dilaksanakan oleh institusi-institusi ini sejak ditubuhkan. Pengurusan dana zakat sama ada kutipan dan agihan zakat di negeri Selangor telah dipertanggungjawabkan kepada Lembaga Zakat Selangor, di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Pada peringkat awal penubuhan, LZS hanya diberikan hak untuk menguruskan kutipan zakat harta sahaja di Selangor. Namun, pada tahun 1998 peranan LZS telah dikembangkan dengan diberi mandat untuk menguruskan kutipan zakat padi dan fitrah di Selangor (Azman et.al 2017).

LZS berperanan penting dalam mendidik masyarakat ke arah kesedaran berzakat, menyediakan perkhidmatan kutipan zakat serta menguruskan agihan zakat kepada golongan yang layak dan memerlukan. LZS juga telah mengambil inisiatif dan langkah yang lebih progresif demi membantu ummah dalam melaksanakan urusan zakat dengan membuka kaunter perkhidmatan pembayaran zakat di beberapa tempat di negeri Selangor yang dikenali sebagai Kaunter Mini LZS.

2.1 Lokasi Kaunter Mini LZS di Masjid

Kaunter Mini LZS pada awal penubuhannya ditempatkan di lokasi-lokasi terpilih yang menjadi tumpuan masyarakat seperti masjid dan balai penghulu. Pemilihan lokasi-lokasi ini bertujuan agar mudah untuk dikunjungi oleh para asnaf dan tidak menyusahkan mereka untuk datang ke kaunter mini zakat.

Kaunter mini zakat di daerah Sabak Bernam dibuka pada setiap minggu iaitu dari minggu pertama hingga keempat pada setiap hari kecuali pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad. Terdapat empat masjid tetap yang membuka kaunter mini zakat iaitu Masjid As-Saidiah Pasir Panjang di Sekinchan, Masjid Al-Mujahideen di Bagan Terap, Masjid Jamek Sultan Hishamuddin dan Masjid Ubudiah di Simpang 4, Bagan Nakhoda Omar. Masjid As-Saidiah Pasir Panjang di Sekinchan dibuka pada hari Isnin setiap minggu manakala Masjid Al-Mujahideen di Bagan Terap dibuka pada hari Selasa setiap minggu. Masjid Jamek Sultan Hishamuddin pula dibuka pada hari Rabu setiap minggu dan Masjid Ubudiah di Simpang 4 Bagan Nakhoda Omar beroperasi pada hari Khamis setiap minggu. Masjid-masjid di daerah Sabak Bernam ini telah ditetapkan dibuka pada setiap minggu tetapi dibuka pada hari yang berlainan bergantung kepada lokasi masjid tersebut.

Manakala di daerah Gombak, kaunter mini LZS hanya dibuka pada setiap hari Selasa minggu pertama iaitu di Masjid Bukit Indah, Ampang dan juga di Masjid Zakaria, Gombak pada hari Selasa minggu yang keempat. Lokasi kaunter mini zakat di daerah Sepang pula adalah di Masjid Putra Perdana pada setiap hari Rabu minggu yang kedua dan di Masjid Sg. Pelek pada hari Rabu minggu yang keempat.

Masjid di daerah Klang yang membuka kaunter mini zakat adalah Masjid Al-Islah di Kg Telok Gong, Masjid Jamiul Redzuan di Kg. Sg. Serdang, Kapar, Masjid Ar-Rahman di Pandamaran Jaya dan Masjid Nurul Amin di Kg. Delek. Kaunter mini zakat di daerah Klang ini tidak menetapkan keempat-empat masjid ini sebagai masjid yang sama pada setiap hari rabu tetapi mengikut kepada giliran yang ditetapkan pada setiap minggu dalam sebulan. Kaunter mini zakat di daerah Klang ini beroperasi pada setiap hari Rabu sahaja.

Manakala di daerah Petaling, kaunter mini zakat dibuka di sebuah masjid yang sama pada setiap minggu iaitu masjid As-Salam di Puchong Perdana. Masjid ini hanya membuka kaunter mini zakat pada hari rabu pada setiap minggu. Kaedah yang sama turut diaplakisikan di daerah Hulu Langat iaitu di masjid Bandar Tun Hussien Onn di Cheras. Kaunter mini zakat

yang dibuka di daerah ini hanya tertumpu kepada sebuah masjid yang sama pada setiap hari rabu dan pada setiap minggu iaitu dari minggu pertama hingga minggu keempat.

2.2 Fungsi Kaunter Mini Lzs

Tujuan utama pembukaan kaunter mini zakat terutamanya di daerah Klang, Kuala Langat dan Kuala Selangor adalah untuk memudahkan urusan agihan zakat bagi para asnaf yang tinggal jauh dari cawangan Lzs di daerah berkenaan.

Pelbagai perkhidmatan disediakan di kaunter mini zakat dan ia meliputi pertanyaan, pengambilan, penghantaran borang bantuan zakat dan semakan status bantuan zakat. Pada peringkat permulaan pembukaan kaunter mini zakat, ia hanya menawarkan perkhidmatan berkaitan agihan zakat sahaja, manakala perkhidmatan kutipan zakat masih melalui cawangan zakat di daerah. Perkhidmatan kaunter mini zakat yang telah beroperasi sepenuhnya di negeri Selangor adalah di daerah Sabak Bernam, Klang, Hulu Selangor, Kuala Selangor, Gombak, Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang.

Walau bagaimanapun, Lzs turut merancang untuk memperluaskan kemudahan kaunter mini zakat yang telah sedia ada ke semua daerah di negeri Selangor bagi kemudahan penduduk terutama yang beragama Islam dalam melaksanakan tuntutan zakat.

3.0 AMALAN PENGURUSAN ZAKAT DI INSTITUSI MASJID DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Sistem pengurusan zakat di Wilayah Persekutuan terbahagi kepada dua bahagian iaitu pengurusan kutipan dan pengurusan agihan. Di Wilayah Persekutuan, agensi yang menguruskan kutipan zakat adalah Pusat Pungutan Zakat (PPZ) manakala agensi yang menguruskan agihan zakat adalah Bahagian Baitulmal, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Sebelum Kuala Lumpur diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan, Majlis Ugama Islam Selangor bertindak sebagai institusi yang menguruskan hal ehwal Islam di Kuala Lumpur. Sejak penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, kuasa pentadbiran hal ehwal Islam di Kuala Lumpur telah diambil alih oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Walau bagaimanapun, sejak penubuhan syarikat korporat Harta Suci Sdn Bhd yang dikenali sebagai Pusat Pungutan Zakat (PPZ-MAIWP) pada 17 November 1989, MAIWP hanya menjalankan aktiviti pengagihan zakat. Urusan kutipan pula diuruskan oleh PPZ-MAIWP tersebut (Azman et.al 2017). Dalam bahagian ini, penekanan akan diberi kepada pengurusan zakat di institusi masjid di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja.

3.1 Lokasi Kaunter PPZ di Masjid

Kaunter zakat yang disediakan di masjid-masjid di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah di empat buah masjid utama iaitu Masjid Negara, Masjid At-Taqwah di Taman Tun Dr. Ismail (TTDI), Masjid Al Imam Al Ghazali di Kepong dan Masjid Abd Rahman Bin Auf di Puchong. Pusat Pungutan Zakat (PPZ) terletak di kaunter Masjid Negara yang beroperasi pada jam 8.15 pagi hingga jam 4.45 petang pada setiap hari Isnin hingga Khamis. Manakala pada hari Jumaat bermula pada jam 8.15 pagi hingga 12.30 tengahari dan disambung semula pada jam 2.30 petang hingga jam 4.45 petang. Kaunter zakat turut dibuka pada hari Sabtu minggu kedua, keempat dan kelima.

Kaunter Pusat Pungutan Zakat (PPZ) di Taman Tun Dr. Ismail pula terletak di Anjung Niaga, Kaunter Masjid At-Taqwah. Ia beroperasi sama seperti di kaunter zakat Masjid Negara

iaitu bermula jam 8.15 pagi hingga jam 4.45 petang pada setiap hari Isnin hingga Khamis. Manakala pada hari Jumaat bermula pada jam 8.15 pagi hingga 12.30 tengahari dan disambung semula pada jam 2.30 petang hingga jam 4.45 petang. Kaunter zakat turut dibuka pada hari Sabtu minggu kedua, keempat dan kelima.

Masjid Al Imam Al Ghazali di Kepong dan Masjid Abd Rahman Bin Auf di Puchong turut mempunyai waktu urusan yang sama seperti Masjid Negara dan Masjid At-Taqwa. Walau bagaimanapun, kaunter zakat di keempat-empat buah masjid ini mempunyai jadual yang berbeza ketika menjelangnya bulan Ramadhan iaitu ia dibuka seperti biasa pada jam 8.15 pagi dan ditutup lebih awal daripada waktu biasa iaitu pada jam 4.30 petang. Manakala pada hari terakhir Ramadhan, kaunter dibuka pada jam 8.15 pagi dan ditutup pada jam 1.00 petang. Jadual bagi kaunter zakat ketika bulan Ramadhan ini dibuka selama tujuh hari seminggu dan jadual yang sama turut digunakan ketika menjelangnya penghujung tahun iaitu pada bulan Disember.

3.2 Fungsi Kaunter PPZ

Fungsi masjid bukan hanya tertumpu kepada beribadah, tetapi juga sebagai pusat ilmu yang mampu menyatupadukan masyarakat dan ahli qariah. Masjid juga berperanan sebagai tempat bertukar pendapat, serta mendidik masyarakat tentang kepentingan ilmu dan kesedaran mengimarah masjid. Kaunter PPZ yang dibuka di masjid-masjid mampu menyebarluaskan dakwah zakat kepada ahli qariah dan jemaah masjid terhadap tuntutan kewajipan berzakat sekali gus memperkenalkan PPZ-MAIWP sebagai sebuah institusi kutipan zakat yang beroperasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

4.0 AMALAN PENGURUSAN ZAKAT DI INSTITUSI MASJID DI NEGERI KELANTAN

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) ditubuhkan pada 24 Disember 1915 melalui satu perisytiharan oleh KDYMM Sultan Muhammad Ke IV. Tujuan penubuhan MAIK adalah untuk menasihati KDYMM Al-Sultan selaku ketua agama berkenaan dengan hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu Kelantan. MAIK. Di samping itu, visi MAIK adalah untuk menjadi sebuah organisasi *pengurusan wang zakat dan pengurusan harta baitulmal dan wakaf yang terunggul di malaysia. Oleh itu, MAIK berperanan penting dalam urusan kutipan dan agihan zakat di negeri Kelantan.*

Penduduk Muslim di negeri Kelantan dapat memanfaatkan kemudahan untuk menunaikan rukun Islam keempat di Pusat Mini Pungutan Zakat MAIK yang telah mula beroperasi pada tahun 2010. Pusat ini ditempatkan di 11 buah masjid bandar dan jajahan negeri Kelantan.

4.1 Lokasi Pusat Mini Pungutan Zakat MAIK di Masjid

Operasi pungutan zakat diperluaskan di kaunter pungutan zakat di seluruh jajahan negeri Kelantan menerusi kaunter mini di masjid. Antara masjid yang terlibat ialah Masjid Muhammadi di Kota Baharu, Masjid As-Salam di Pengkalan Chepa, Masjid Mahmudi di Bachok, Masjid Sultan Muhammad 1 Jeli, Masjid Ismaili Tumpat, Masjid Ismail Petra Tanah Merah, Masjid Bandar Sultan Muhammad III Pasir Mas, Masjid Tg. Muhammad Faris Petra Kuala Krai, Masjid Tg. Muhammad Faiz Petra Gua Musang, Masjid Sultan Yahya Petra Machang dan Masjid Ibrahim Pasir Puteh.

Pusat Mini Pungutan Zakat MAIK dibuka di masjid-masjid tersebut pada setiap hari iaitu hari Ahad sehingga Khamis bermula jam 9.00 pagi hingga 3.00 petang manakala waktu rehat adalah dari jam 1.00 tengahari hingga 2.00 petang. Pusat ini akan ditutup pada hari Jumaat dan Sabtu serta pada hari kelepasan Am.

4.2 Fungsi Pusat Mini Pungutan Zakat MAIK

Pusat Mini Pungutan Zakat MAIK selain bertujuan untuk memudahkan urusan masyarakat beragama Islam di negeri Kelantan menunaikan zakat, pusat ini juga menyediakan perkhidmatan semakan berkaitan dengan bayaran dan resit zakat, semakan kelulusan bantuan bulanan, kelulusan bantuan one-off, dan juga semakan saudara baru.

5.0 AMALAN PENGURUSAN ZAKAT DI INSTITUSI MASJID DI NEGERI-NEGERI LAIN

Operasi Zakat Pulau Pinang telah bermula pada 27 Disember 1994 berpusat di Taman Selat, Butterworth. Terdapat tiga cawangan kaunter perkhidmatan zakat telah dibuka pada peringkat awal penubuhan iaitu di Taman Selat, Butterworth, Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP), dan di Kompleks Bukit Mertajam. Zakat Pulau Pinang kini telah menambah enam lagi cawangan kaunter perkhidmatan zakat iaitu di Nibong Tebal, Bayan Baru, Balik Pulau, Kepala Batas, Lebuh Buckingham dan Ayer Itam. Pada 3 Januari 2005, Zakat Pulau Pinang mengorak langkah yang lebih besar apabila berjaya memiliki bangunan sendiri di Bandar Perda, Bukit Mertajam sekaligus menjadikan ia sebagai ibu pejabat Zakat Pulau Pinang yang baru.

Zakat Pulau Pinang turut membuka kaunter perkhidmatan zakat di institusi masjid iaitu Masjid Negeri Pulau Pinang di Jalan Ayer Itam, Air Itam Pulau Pinang. Orang ramai boleh berurus di kaunter pada hari khamis dan Jumaat bermula jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang. Pada hari khamis, kaunter akan ditutup sebentar pada jam 1.00 petang dan disambung pada jam 2.00 petang. Manakala waktu rehat pada hari Jumaat bermula 12.30 tengahari hingga 2.45 petang.

Di Johor, Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ) berperanan untuk memungut zakat dan fitrah daripada orang Islam di negeri Johor di samping mengagihkan wang kutipan zakat dan fitrah kepada asnaf yang telah ditentukan. Pelbagai kemudahan pembayaran zakat yang disediakan oleh MAIJ iaitu sama ada datang sendiri ke kaunter zakat Majlis Agama Islam Negeri Johor di semua Pejabat Agama Daerah atau melalui pos (cek / kiriman wang / wang pos / Bank draf) atau melalui Mesin Deposit Tunai / Mesin Deposit Cek atau melalui Skim Potongan Gaji Bulanan atau agen-agen MAIJ iaitu bank-bank yang terlibat seperti RHB Bank Berhad dan Bank Islam Malaysia Berhad.

MAIJ juga telah mewujudkan kaunter bergerak yang dibuka dari semasa ke semasa di institusi masjid di negeri Johor. Kaunter bergerak ini dibuka bermula jam 11.00 pagi hingga 6.00 petang hanya pada hari Jumaat. Pemilihan masjid menjadi faktor penting dalam menempatkan kaunter bergerak iaitu masjid-masjid yang menjadi tumpuan ramai. Antara masjid yang terlibat dengan kaunter bergerak ialah Masjid Bandar Baru Uda, Masjid Bandar Dato Onn, Masjid Pulai dan masjid di Pasir Gudang. Kaunter ini kurang mendapat sambutan pada awal kewujudannya, tetapi mula mendapat perhatian pada minggu-minggu berikutnya menunjukkan perkembangan positif.

Bagi negeri-negeri lain, meskipun tidak disediakan kaunter khusus untuk kutipan dan agihan zakat di masjid, kebanyakan masjid telah melantik amil bagi menguruskan zakat dan memudahkan ahli kariah untuk menunaikan zakat pada bila-bila masa. Kaunter zakat di

masjid turut dibuka hanya pada bulan Ramadhan untuk menunaikan umat Islam menunaikan zakat fitrah.

6.0 KESIMPULAN

Masjid berperanan penting dalam menyatupadukan seluruh umat Islam khususnya bagi memudahkan masyarakat Islam melaksanakan tanggungjawab untuk mengeluarkan zakat, di samping menyuntik kesedaran untuk menunaikan zakat serta menjadi tempat agihan dana-dana tersebut kepada pihak yang memerlukan. Justeru, amalan pengurusan zakat di institusi masjid melalui penubuhan kaunter khusus seperti di Selangor, Kelantan dan Wilayah Persekutuan sangat membantu dalam meningkatkan hasil kutipan zakat dan menjamin keberkesanan sistem agihan zakat. Selain memudahkan orang ramai yang tinggal jauh dari cawangan zakat sesebuah negeri untuk menunaikan zakat, kaunter tersebut juga memudahkan pengagihan kepada asnaf yang tinggal di pedalaman. Satu model pengurusan zakat di institusi masjid boleh dibangunkan bagi memperkasakan kutipan dan agihan zakat di Malaysia. Model ini diyakini dapat menjadi panduan dan rujukan kepada pihak yang berautoriti dalam pengurusan zakat di Malaysia.

7.0 RUJUKAN

- Azman Ab Rahman et al. (2017) Ensiklopedia Pengurusan Zakat Di Malaysia (Siri 1). Penerbit USIM.
- Laporan Zakat (2008). Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan.
- Lembaga Zakat Selangor . Kaunter Mini LZS. <http://www.zakatselangor.com.my/kaunter-mini-lzs/> Diakses pada 9 September 2017
- Lembaga Zakat Selangor. Kaunter LZS. <http://www.zakatselangor.com.my/kaunter-lzs/> Diakses pada 9 September 2017
- Lembaga Zakat Selangor. Kaunter Zakat Dibuka Tujuh Hari Seminggu <http://www.zakatselangor.com.my/terkini/kaunter-zakat-dibuka-tujuh-hari-seminggu/> Diakses pada 9 September 2017
- Majlis Agama Islam Kelantan. Objektif, Strategi, Visi, Misi & Moto. <http://www.e-maik.my/portal/index.php/ms/profil/mengenai-kami/objektif-strategi-visi-misi-moto.html> Diakses pada 11 September 2017
- Majlis Agama Islam Kelantan. Perkhidmatan. <http://www.e-maik.my/portal/index.php/ms/perkhidmatan-kami/pusat-mini-pungutan-zakat> Diakses pada 9 September 2017
- Pusat Mini Pungutan Zakat MAIK. <http://www.e-maik.my/mobile/pmpz.html> Diakses pada 9 September 2017
- Pusat Pungutan Zakat-Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP). Kaunter PPZ. <http://www.zakat.com.my/#> Diakses pada 9 September 2017
- Zakat Pulau Pinang. Lokasi Perkhidmatan Kaunter <http://www.zakatpenang.com/zpp/index.php/2013-06-30-10-54-31/2013-06-30-10-58-09/kaunter> Diakses pada 9 September 2017.